

Peranan Modal Sosial Berteraskan Nilai Islam Terhadap Pemantapan Tatakelola Nasional

[The Role of Islamic Social Capital in Strengthening National Governance]

Luqman Mahmud¹ & Ayu Nor Azilah Mohamad²

- ¹ (Corresponding Author) Institute of Continuing Education & Professional Studies, Universiti Teknologi MARA Kedah, 08400 Merbok, Malaysia. E-mail: luqmanmahmud@uitm.edu.my
- ² Jabatan Pengajian Ketamadunan dan Pembangunan Insan, Fakulti Sains Sosial, Universiti Islam Selangor, 43000 Kajang, Malaysia. E-mail: ayunorazilah@uis.edu.my

ABSTRACT

Social capital refers to networks, norms, friendships, values, and mutual understanding that improve an organisation's quality and quantity of cooperation. It has three main components: social networks, social norms, and social rules, all of which help strengthen information flow and harmony among organisation members. Historical factors, such as colonial rule and the division of communities along ethnic lines, hindered the development of social capital in Malaysia during the Malay Sultanate period. The success of social capital in Malaysia depends on mutual acceptance, trust, and commitment within society. In 2023, Malaysia's Prime Minister launched the National Governance Enhancement Movement (GPTN) to strengthen social capital by promoting positive governance values. This study examines the role of social capital in enhancing public service quality under GPTN and explores the concept of social capital from an Islamic perspective, aiming to foster the development of individuals with integrity. The paper uses a literature review to investigate how social capital elements can help organisations achieve governance improvements based on Islamic principles. The findings suggest that Islamic guidelines provide principles for building social capital, indicating that incorporating Islamic-based social capital elements is crucial for fostering a strong national governance culture in Malaysia.

Keywords: Social Capital; Islamic Values; Strengthening National Governance

ABSTRAK

Modal sosial merujuk kepada jaringan, norma, persahabatan, nilai-nilai dan kesefahaman yang meningkatkan kualiti serta kuantiti kerjasama dalam organisasi. Ia

terdiri daripada tiga komponen utama: jaringan sosial, norma sosial dan peraturan sosial, yang membantu memperkuuh aliran maklumat dan keharmonian antara ahli organisasi. Di Malaysia, pembentukan modal sosial bermula sejak zaman kesultanan Melayu, namun terhalang oleh faktor sejarah seperti kedatangan penjajah dan pembahagian komuniti berdasarkan kaum. Kejayaan pembinaan negara di Malaysia bergantung pada penerimaan, kepercayaan dan komitmen bersama dalam masyarakat. Dengan pelancaran Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional (GPTN) oleh Perdana Menteri pada 2023, usaha memperkuuh modal sosial semakin ditekankan melalui pembudayaan nilai tatakelola baik. Kajian ini meninjau peranan modal sosial dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan awam di bawah GPTN serta meneroka konsep modal sosial dalam perspektif Islam untuk membentuk pembangunan insan yang berintegriti. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan menjelaskan bagaimana elemen-elemen modal sosial dapat membantu organisasi mencapai pemantapan tatakelola berdasarkan neraca Islam. Kajian ini menggunakan metodologi kepustakaan untuk menjawab persoalan tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa banyak panduan daripada penilaian Islam telah menggariskan prinsip untuk membina modal sosial. Ini menunjukkan bahawa elemen modal sosial berteraskan Islam sangat penting untuk diterapkan dalam jiwa setiap rakyat Malaysia demi mencapai tatakelola nasional yang mantap.

Kata Kunci: Modal Sosial; Nilai Islam; Gerakan Tatakelola Nasional

How to Cite:

Received: 16-9-2024

Revised: 3-11-2024

Accepted: 17-11-2024

Published: 20-11-2024

Mahmud, L. & Mohamad, A. N. A. (2024). Peranan Modal Sosial Berteraskan Nilai Islam Terhadap Pemantapan Tatakelola Nasional. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 55-69.

1. Pendahuluan

Modal sosial adalah satu bentuk jaringan, norma, persahabatan, nilai-nilai, serta kesefahaman yang dapat meningkatkan kuantiti dan kualiti kerjasama dalam sesebuah organisasi (Akbar et al., 2023). Ia terdiri daripada tiga komponen utama iaitu jaringan sosial, norma sosial dan peraturan sosial. Jaringan sosial merujuk kepada hubungan yang terjalin antara individu, kumpulan atau komuniti dalam masyarakat. Di Malaysia, jaringan sosial sangat dipengaruhi oleh pelbagai etnik, budaya dan agama. Malaysia terdiri daripada tiga kaum utama: Melayu, Cina dan India, serta pelbagai suku kaum dan kumpulan etnik lain seperti Iban, Kadazan dan Orang Asli. Hubungan antara etnik di Malaysia sering kali melalui interaksi di tempat kerja, sekolah dan acara masyarakat. Jaringan sosial ini membolehkan pertukaran budaya dan pengalaman, sekali gus memupuk keharmonian antara kaum. Dalam masyarakat Melayu contohnya, jaringan sosial sering kali berpusat kepada

keluarga dan komuniti yang lebih luas. Peranan keluarga dalam menjaga hubungan sosial sangat penting dan ini diperkuatkan oleh nilai-nilai tradisional (Saiman, 2023).

Norma sosial adalah peraturan atau panduan yang tidak tertulis yang mengatur tingkah laku individu dalam masyarakat. Ia menggambarkan apa yang dianggap sebagai tingkah laku yang diterima dan tidak diterima. Di Malaysia, norma sosial banyak dipengaruhi oleh budaya dan agama. Misalnya, norma-norma dalam masyarakat Melayu sering kali berkait rapat dengan ajaran Islam yang menekankan nilai murni seperti hormat kepada orang tua, kesopanan dan menjaga maruah. Norma sosial juga mempengaruhi cara individu berinteraksi dengan orang dari etnik lain. Contohnya dalam majlis sosial terdapat norma tertentu mengenai cara berbicara dan berinteraksi yang mungkin berbeza mengikut budaya masing-masing.

Peraturan sosial adalah undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh masyarakat atau institusi yang mengatur tingkah laku individu. Di Malaysia terdapat undang-undang yang mengawal pelbagai aspek kehidupan termasuk undang-undang keluarga, hak asasi manusia dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraman awam. Contohnya undang-undang berkaitan dengan larangan merokok di tempat awam dan undang-undang anti-diskriminasi. Selain undang-undang terdapat juga peraturan sosial yang berkaitan dengan adat dan tradisi. Misalnya, cara berpakaian dan tingkah laku dalam majlis rasmi atau perayaan tertentu adalah diatur oleh peraturan kebudayaan yang perlu dipatuhi.

Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional (GPTN) yang dilancarkan pada 5 Disember 2023 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan platform untuk mencapai objektif meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Prinsip-prinsip tatakelola yang baik seperti akauntabiliti, ketelusan dan kepelbagaian ditekankan untuk meningkatkan kualiti sektor awam dan memastikan perkhidmatan awam disampaikan dengan lebih berintegriti. Terdapat empat terma rujukan bagi GPTN seperti Reformasi Institusi, Dasar dan Undang-undang, Sistem dan Prosedur Kerja, Pemantauan dan Penilaian dan Pembudayaan Amalan Nilai dan Tatakelola Baik. Artikel ini memfokuskan pada terma GPTN yang keempat iaitu Pembudayaan Amalan Nilai dan Tatakelola Baik yang boleh diperkuuhkan melalui modal sosial dalam kalangan masyarakat.

Modal sosial dan dasar tatakelola nasional mempunyai hubungan yang saling menyokong dan memperkuuh. Modal sosial merujuk kepada elemen-elemen seperti kepercayaan, jaringan sosial, norma dan nilai yang terdapat dalam masyarakat yang membantu mempererat hubungan serta kerjasama antara individu dan kumpulan. Dasar tatakelola nasional pula adalah prinsip dan peraturan yang mengatur cara institusi dan organisasi negara berfungsi

untuk memastikan pengurusan negara berjalan dengan berkesan, adil dan telus.

Kepercayaan adalah salah satu komponen penting dalam modal sosial yang mempengaruhi dasar tatakelola. Apabila masyarakat mempercayai kerajaan dan institusi awam, mereka lebih cenderung untuk menyokong dasar-dasar yang dilaksanakan. Sebagai balasan, kerajaan yang telus dan bertanggungjawab memperkuatkan kepercayaan masyarakat, menjadikan mereka lebih yakin terhadap institusi dan polisi negara.

Modal sosial yang kuat menggalakkan penyertaan aktif masyarakat dalam proses pembentukan dasar awam. Masyarakat yang berasa terhubung melalui modal sosial akan lebih terlibat dalam aktiviti seperti undian, perbincangan awam dan organisasi masyarakat. Ini memastikan suara masyarakat didengar dan membantu menghasilkan dasar yang lebih adil serta memenuhi keperluan pelbagai golongan.

Modal sosial yang sihat memperkuatkan norma masyarakat yang menolak rasuah dan salah guna kuasa. Kepercayaan dan nilai-nilai dalam masyarakat bertindak sebagai "pengawas sosial" di mana masyarakat saling mengawasi dan menuntut akauntabiliti daripada pemimpin dan pegawai awam. Ini menjadi dorongan kepada kerajaan untuk mempraktikkan tatakelola yang lebih berintegriti. Modal sosial yang kuat menyumbang kepada hubungan yang baik antara pelbagai sektor, termasuk kerajaan, sektor swasta dan masyarakat madani. Hubungan ini penting kerana masalah-masalah sosial, ekonomi dan politik sering kali memerlukan kerjasama antara pelbagai pihak untuk mencapai penyelesaian yang menyeluruh.

Modal sosial menyumbang kepada kestabilan masyarakat yang amat diperlukan untuk mencapai pembangunan lestari. Apabila masyarakat memiliki kepercayaan terhadap kerajaan serta sesama mereka, mereka lebih cenderung untuk mengurangkan konflik dan mematuhi dasar yang ditetapkan. Kestabilan ini memberikan ruang kepada kerajaan untuk melaksanakan dasar jangka panjang yang membawa kepada kemakmuran bersama.

Modal sosial boleh diukur dengan menggunakan pelbagai petunjuk yang bersifat subjektif. Sebagai contoh, ukuran tahap kepercayaan antara individu, penglibatan ahli masyarakat dalam organisasi atau pertubuhan, semangat sukarela, kadar jenayah atau penipuan dan penglibatan dalam aktiviti sosial yang tidak formal (Ismail et al., 2016). Namun tidak banyak penulisan yang menerangkan konsep modal sosial melalui konsep Islam. Penulisan ini akan menerangkan bagaimana konsep Islam ini dapat dijadikan panduan untuk menjalankan modal sosial ke arah pembangunan insan yang berintegriti tinggi.

2. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan kajian kepustakaan. Sumber-sumber yang akan dirujuk termasuk kajian terdahulu berkisarkan dengan dalil Al-Quran dan As-Sunnah untuk mengkaji prinsip-prinsip Islam dalam pembinaan modal sosial. Selain itu artikel akademik, buku, jurnal dan laporan mengenai modal sosial dan tatakelola dalam konteks organisasi. Ini termasuk juga ucapan, dasar dan inisiatif yang digariskan oleh pemimpin negara berkaitan tatakelola nasional.

3. Sorotan Kajian

Berikut adalah beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan modal sosial dan tatakelola yang boleh dirujuk dalam kajian ini. Antaranya ialah kajian oleh Nor’Azzah dan Mohamad (2017) bertajuk ‘Penerapan Modal Sosial Berasaskan Nilai Islam dalam Pembangunan Komuniti.’ Penyelidikan ini memfokuskan kepada konsep modal sosial berdasarkan nilai-nilai Islam dalam pembangunan komuniti di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga melihat bagaimana modal sosial boleh menyumbang kepada pengukuhan tatakelola dalam organisasi dan komuniti setempat.

Seterusnya ialah kajian oleh Mohd Hasbullah & Khairuddin (2015) yang mengupas peranan modal sosial dan prinsip-prinsip Islam di Malaysia. Ini memberi perspektif yang relevan dengan kerangka kajian ini. Kajian ini bertajuk ‘Tatakelola dalam Organisasi Islam: Satu Tinjauan Teori dan Praktik di Malaysia.’ Selain itu, kajian Putnam (1995) menekankan tentang peranan modal sosial dalam pembangunan masyarakat, khususnya di Amerika Syarikat dan bagaimana modal sosial yang semakin berkurangan membawa kepada penurunan kualiti tatakelola dan kerjasama sosial. Begitu juga kajian Fukuyama (2001) menjelaskan tentang pentingnya modal sosial dalam memajukan ekonomi dan politik sebuah negara, termasuklah bagaimana kepercayaan dan norma sosial boleh meningkatkan keberkesanannya tatakelola.

Manakala Coleman membincangkan hubungan erat antara modal sosial dan modal insan dalam membangunkan prestasi organisasi serta bagaimana interaksi sosial yang baik meningkatkan produktiviti dan kestabilan organisasi (Coleman, 1988). Narayan (1999) turut mengkaji bagaimana modal sosial dalam masyarakat luar bandar di Tanzania membantu meningkatkan pendapatan isi rumah dan membangunkan tatakelola tempatan yang lebih baik.

Kajian-kajian ini dapat memberikan panduan dan sokongan terhadap penerapan modal sosial dalam konteks tatakelola yang mantap

dengan merujuk kepada pelbagai perspektif global dan lokal serta nilai-nilai Islam.

Di Barat, konsep modal sosial timbul dari gagasan bahawa manusia tidak mampu menangani pelbagai masalah yang dihadapi secara individu. Kerjasama dan kebersamaan dari semua anggota masyarakat yang berkepentingan diperlukan untuk menangani masalah tersebut. Konsep modal sosial berkembang pada dua dekad terakhir abad ke-20. Sejak tahun 1990-an penghayatan terhadap modal sosial kian meningkat melalui pengajian, penyelidikan dan penerbitan. Konsep dan semangat modal sosial memiliki sejarah intelektual yang panjang dalam ilmu-ilmu sosial. Pemikiran modal sosial dapat dilihat dengan kemunculan Adam Smith pada abad ke-18 berkembang melalui kajian ekonomi yang dimasukkan unsur modal sosial disebut sebagai "*social contract*". Pemikiran seperti ini pertama kali muncul pada awal abad ke-20 oleh seorang pendidik Amerika bernama Lyda Judson Hanifan. Hanifan menyatakan bahawa modal sosial sama pentingnya dengan modal aset dan fizikal dalam kehidupan berkomuniti. Baginya, modal sosial merangkumi niat baik, nilai persahabatan, simpati dan empati, serta hubungan sosial dan kerjasama yang rapat antara individu dalam organisasi atau keluarga yang membentuk satu kumpulan sosial (Hanifan, 1916). Pendirian ilmu sosiologi pada abad ke-19 secara khususnya tertarik bagaimana ikatan sosial antara manusia menjadi penghubung yang menyatukan jalinan masyarakat yang lebih luas.

Walaupun Hanifan telah menggunakan istilah modal sosial hampir seabad yang lalu, istilah ini mulai popular dalam kalangan akademik sejak akhir tahun 1980-an. Pierre Bourdieu, seorang pakar sosiologi Perancis terkenal, mengemukakan bahawa untuk memahami struktur dan fungsi sistem organisasi, modal perlu dibahas secara holistik, tidak cukup hanya membahas modal fizikal dan manusawi seperti yang terdapat dalam teori ekonomi. Ini penting kerana setiap transaksi modal fizikal biasanya disertai dengan modal budaya dan sosial (Bourdieu, 1986). Bourdieu (1986) menjelaskan perbezaan antara modal ekonomi, modal budaya dan modal sosial untuk menunjukkan bagaimana ketiganya dapat dibandingkan dari segi kemudahannya untuk dikomersialkan. Modal fizikal seperti aset mudah dikomersialkan dalam bentuk produk dan hak milik. Walaupun begitu, modal budaya juga boleh dikomersialkan dan menjadi nilai tambah dalam organisasi. Demikian juga modal sosial dapat dikomersialkan oleh organisasi.

Organisasi yang memiliki kumpulan jurutera yang mahir dan berintegriti dapat meningkatkan nilai ekonomi dengan mengurangkan pembaziran dalam perbelanjaan, meningkatkan kepercayaan pihak luar yang berurusan dengan syarikat dan meningkatkan kualiti kerja yang optimum. Ini akan memberi pulangan dalam bentuk keuntungan syarikat. Idea Bourdieu telah dikembangkan melalui penulisan James Coleman, Robert Putnam dan

Francis Fukuyama. Melalui penulisan mereka, konsep modal sosial mulai mendapat perhatian yang meluas dari pelbagai lapisan organisasi. Ini kerana ia merupakan pendekatan yang baik untuk memahami dinamika masyarakat atau sebagai alat yang berkesan untuk membantu meningkatkan faktor ekonomi organisasi, terutama dalam masyarakat di negara-negara membangun (Syahra, 2003).

Konsep modal sosial menjadi popular selepas kemunculan empat orang tokoh pada akhir abad ke-20 dan awal abad ke-21 iaitu Pierre Bourdieu, James S Coleman, Robert D. Putnam dan Francis Fukuyama (Field, 2008). Para ilmuan tersebut datang dengan pelbagai definisi mengenai modal sosial berdasarkan sasaran dan ruang lingkup kajian masing-masing. Namun begitu, kesemuanya disimpulkan secara sederhana oleh World Bank sebagai "*the norms and networks that enable people to act collectively*" (Woolcock; Narayan, 1999). Namun definisinya, nilai atau semangat yang menjawai modal sosial adalah "*trust, goodwill, reciprocity, solidarity, civic engagement.*" Beberapa penulis yang memberi penekanan kepada "*trust*" oleh Fukuyama (1995) diertikan sama dengan modal sosial oleh Coleman sebagai sebuah kewujudan modal sosial. Sedangkan Lin (1999) mentakrifkan sebagai aset kolektif yang dihasilkan oleh modal sosial. Penulis lain memberi penekanan kepada "*goodwill*" (Adler, Kwon, 2002) sebagai sumber modal sosial (Ginandjar, 2017).

Agama Islam mengajarkan seseorang untuk menjaga hubungan baik dengan Allah dan sesama manusia. Secara ringkasnya, Allah tidak akan memuliakan orang yang hanya berhubungan dengan Allah tetapi tidak memiliki hubungan yang baik dengan sesama manusia.

Namun demikian, Allah juga tidak akan merestui mereka yang tidak mahu mengenal dan mengikuti perintah Allah sebagai Tuhan yang Maha Esa, walaupun mereka telah menjalin hubungan baik dengan sesama manusia. Hal ini disebutkan dalam Al-Quran Surah Ali Imran ayat 112:

Terjemahan: "Mereka diliputi kehinaan di mana saja mereka berada, kecuali jika mereka (berpegang) pada tali (agama) Allah dan tali (perjanjian) dengan manusia. Mereka mendapat murka dari Allah dan (selalu) diliputi kesengsaraan. Yang demikian itu kerana mereka mengingkari ayat-ayat Allah dan membunuh para nabi, tanpa hak (alasan yang benar). Yang demikian itu kerana mereka derhaka dan melampaui batas". [Ali-Imran. 3: 112]

Beberapa ajaran dalam Islam memiliki potensi menjadi modal sosial untuk pengembangan masyarakat. Berikut beberapa ajaran yang dapat mendorong umat Islam untuk bergerak bersama memberikan perhatian dan dorongan terhadap sesama muslim yang mengalami kesusahan serta mampu menumbuhkan rasa saling percaya di antara sesama muslim:

3.1 Ummah Wahidah

Konsep ini diambil dari ayat Al-Quran, Surah Al-Baqarah ayat 213. Ummah Wahidah mengacu pada kesedaran bahawa umat Islam adalah satu kerana memiliki sistem keyakinan yang sama iaitu menyembah Allah yang Maha Esa. Dalam Islam, kemaslahatan umat manusia dan keutuhan sosial sangat penting kerana mampu memberikan dasar pemikiran strategik untuk dinamika kehidupan manusia dan menjadi tanggungjawab bersama bagi manusia sebagai khalifah di bumi. Atas faktor itu seluruh kehidupan manusia sama ada berkaitan dengan keselamatan dan kesejahteraan menjadi tanggungjawab bersama bukan bersifat individual. Oleh itu dalam fiqh Islam dikenali fardu ain dan fardu kifayah. Fardu ain lebih berorientasi kepada individual tetapi fardu kifayah menjurus kepada sosial, solidariti dan kebersamaan. Ini bermakna seseorang harus bertanggungjawab dalam kehidupan bersama dan memainkan peranan dalam komuniti. Konsep ini tidak sama dengan konsep sama rata yang pernah dipromosikan pada tahun 1965-an. Hal ini kerana meskipun memiliki ketua yang berperanan penting bukan bermakna orang lain boleh menggunakan atau mengambil harta orang lain tanpa keizinan pemiliknya. Justeru, Islam menawarkan konsep persaudaraan (ukhuwah, persatuan (muwahhidah) dan kesamaan (Tasamuh) (Rofik & Asyhabuddin, 2005).

Ummatan Wahidah dan tatakelola nasional merupakan dua konsep yang saling berkaitan dalam konteks masyarakat berbilang kaum dan agama, khususnya seperti Malaysia. Walaupun terdapat pelbagai budaya dan latar belakang, konsep ini menggalakkan penerimaan dan penghayatan perbezaan sebagai satu kekuatan berdasarkan undang-undang tertinggi yang telah disepakati.

3.2 Ukhudah

Konsep persaudaraan antara muslim diambil dari beberapa ayat Al-Quran dan hadis Rasulullah. Persaudaraan antara muslim menciptakan rasa saling percaya sesama saudara serta tidak mengkhianati. Nabi Muhammad ﷺ sendiri memberikan contoh praktikal dengan mempersaudarakan antara Muhammadiyah dan Ansar. Ini dibuktikan dalam surah Ali-Imran ayat 103 dan surah al-Hujurat ayat 10:

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara, maka damaikanlah antara kedua saudaramu. (Ali Imran. 3: 103, al-Hujurat, 49:10)

Konsep ini memberi keyakinan bahawa muslim merasa memiliki ikatan dengan sesama muslim lain. Malah juga mampu membina rasa percaya dari

seorang muslim terhadap muslim yang lain. Bahkan dalam Piagam Madinah, Baginda ﷺ juga memasukkan kaum Yahudi sebagai sebahagian daripada komuniti dalam negara Madinah.

Ia tidak hanya terbatas kepada ikatan sesama Muslim tetapi juga merangkumi hubungan baik dengan semua kaum di Malaysia. Ukhuwah mendorong sikap toleransi, empati dan tolong-menolong dalam membina masyarakat yang harmoni. Ukhuwah juga berperanan dalam memupuk kesatuan dan keharmonian dalam masyarakat. Dengan membina hubungan yang erat, masyarakat dapat mengatasi perbezaan dan konflik, serta mengukuhkan kerjasama dalam mencapai matlamat bersama.

3.3. *Ta'awun*

Ta'awun ialah ajaran saling menolong. Ini diambil dari surah Al-Maidah yang bermaksud: “Dan tolong menolonglah kamu sekalian dalam berbuat kebaikan dan taqwa”. (al-Maidah, 5: 2)

Ini merupakan norma yang mendorong umat Islam untuk bergerak bersama secara kolektif memberikan perhatian dan dukungan untuk meringankan beban penderitaan saudaranya. Hal ini kerana *ta'awun* memiliki pengaruh yang luar biasa dalam membina masyarakat, kehidupan umat dan individu. Oleh sebab itu, *ta'awun* menjadi aktiviti yang paling utama di sisi Allah SWT. Contohnya, ketika Nabi mendengarkan pujian beberapa sahabat tentang seseorang dalam suatu perjalanan. Sahabat berkata;

“Kami tidak pernah melihat seorang pun seperti si Fulan. Dalam perjalanan dia selalu membaca al-Quran. Dan tidaklah dia singgah di suatu tempat kecuali melakukan solat.” Rasulullah ﷺ bertanya, “Siapa yang memenuhi keperluan hidupnya? Siapa yang memberi makan unta tunggangannya? Mereka menjawab, “Kami” Nabi ﷺ menjawab semula, “Kamu sekalian lebih baik daripadanya”. [Sunan Said b Mansur, no. hadith: 2919, Dinilai dhaif mursal oleh al-Albani].

Taawun memerlukan integriti untuk berfungsi dengan baik. Kerjasama dan bantuan yang diberikan akan lebih bermakna jika didasarkan pada kejujuran dan kepercayaan. Tanpa integriti, *taawun* boleh menjadi tidak berkesan atau bahkan berbahaya, kerana ia mungkin membawa kepada penipuan atau manipulasi. Dalam konteks pembangunan masyarakat madani, *taawun* yang dipraktikkan dengan integriti akan membantu mencipta persekitaran yang lebih baik. Apabila individu dan organisasi beroperasi

dengan integriti, mereka akan lebih mudah untuk bekerjasama dalam projek dan inisiatif yang membawa manfaat kepada masyarakat.

Taawun dan integriti sama-sama menggalakkan nilai-nilai positif dalam masyarakat. Dengan mengamalkan *taawun*, individu menunjukkan sikap saling membantu, manakala integriti memastikan bahawa bantuan yang diberikan adalah tulus dan ikhlas. Integriti dalam amalan *taawun* membantu membina hubungan yang lebih baik antara individu dan komuniti. Apabila semua pihak mempunyai integriti, mereka lebih cenderung untuk berkerjasama secara efektif dan membina masyarakat yang harmoni.

3.4 Ihsan

Ihsan dari sudut bahasa yang bererti berbuat kebaikan, dermawan dan kemurahan hati. Dari makna istilah pula ialah ikhlas dan berbuat sebaik mungkin dengan mengikhaskan ibadah hanya untuk Allah SWT (Ahmad, 1984). Ini merupakan ajaran penting dalam Islam. Keyakinan bahwa Allah menyaksikan segala yang dilakukan oleh hambaNya mendorong manusia untuk berbuat baik kepada sesama manusia dan menghindari perbuatan buruk seperti rasuah dan khianat terhadap sesama muslim (Rofik & Asyhabuddin, 2005).

Nilai ihsan yang merujuk kepada melakukan sesuatu dengan sebaik-baiknya dan menunjukkan kebaikan kepada orang lain, boleh menjadi asas yang kuat dalam memperkasa dasar reformasi institusi. Dalam konteks ini nilai ihsan bukan hanya sekadar prinsip moral tetapi juga panduan untuk pengurusan dan pelaksanaan dasar yang lebih baik. Pemimpin yang mengamalkan nilai ihsan akan berusaha untuk menjadi teladan dalam tingkah laku dan etika. Kepimpinan yang berintegriti ini akan mendorong kakitangan dan anggota institusi lain untuk mengikuti jejak langkah mereka, mencipta budaya yang menghargai kebaikan dan kejujuran. Dengan menekankan nilai ihsan, pemimpin dapat membina kepercayaan di kalangan rakyat. Rakyat akan lebih yakin bahawa institusi berfungsi untuk kesejahteraan mereka dan bukan untuk kepentingan peribadi (Ismail et al., 2020).

Dalam konteks perkhidmatan awam, nilai ihsan mendorong pegawai untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Ini termasuk keikhlasan dalam membantu, kesediaan untuk mendengar dan usaha untuk memenuhi keperluan masyarakat dengan cara yang berkesan. Pegawai yang mengamalkan nilai ihsan akan lebih peka terhadap kebijakan masyarakat. Ini membolehkan mereka mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh rakyat dan mencari jalan penyelesaian yang lebih sesuai.

Nilai ihsan menggalakkan masyarakat untuk terlibat dalam proses reformasi institusi. Apabila masyarakat merasakan bahawa institusi menghargai pandangan dan keperluan mereka, mereka akan lebih terdorong

untuk menyumbang kepada pembangunan dan reformasi yang dijalankan. Masyarakat yang mempunyai nilai ihsan akan lebih bersedia untuk mengambil tanggungjawab sosial termasuk memberikan maklum balas dan terlibat dalam proses pembuatan keputusan yang mempengaruhi mereka.

Nilai ihsan dapat memupuk suasana kerja yang positif yang mana kakitangan berasa dihargai dan termotivasi untuk melakukan penambahbaikan. Dalam suasana ini, mereka lebih cenderung untuk mengemukakan idea-idea inovatif yang boleh menyokong reformasi institusi. Dengan mengamalkan nilai ihsan, institusi dapat membina budaya yang menggalakkan pembelajaran daripada kesilapan. Ini membolehkan mereka untuk sentiasa berusaha menjadi lebih baik dan meningkatkan proses yang ada.

Dalam merumuskan dasar, nilai ihsan menggalakkan pertimbangan terhadap kesaksamaan dan keadilan. Institusi yang mengutamakan ihsan akan memastikan bahawa dasar-dasar yang dibuat tidak mengabaikan golongan yang terpinggir dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat. Dengan menerapkan nilai ihsan, institusi akan lebih berusaha untuk menyantuni golongan yang kurang berasib baik, menyediakan peluang dan sumber yang diperlukan untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

4. Peranan Modal Sosial Islam dalam Pemantapan Tatakelola Nasional

Modal sosial dalam konteks Islam memainkan peranan penting dalam pemantapan tatakelola nasional di negara-negara yang berpegang kepada prinsip-prinsip syariah. Konsep ini melibatkan hubungan sosial, norma dan jaringan yang membolehkan masyarakat berfungsi dengan lebih baik. Dalam ulasan ini, kita akan mengupas beberapa aspek utama tentang bagaimana modal sosial Islam dapat menyokong tatakelola yang efektif dan inklusif.

Modal sosial dalam Islam berfokus pada pengukuhan hubungan sosial di kalangan individu dan kelompok dalam masyarakat. Dalam konteks tatakelola nasional, hubungan yang baik antara rakyat dan pemimpin, serta antara sesama rakyat, dapat meningkatkan kepercayaan. Kepercayaan ini sangat penting bagi kejayaan sebarang inisiatif pemerintah. Misalnya, apabila masyarakat mempercayai pemerintah, mereka lebih cenderung untuk terlibat dalam program-program yang dijalankan, seperti pengambilan keputusan yang melibatkan suara rakyat atau projek pembangunan komuniti (Hassan, 2020).

Islam menekankan nilai-nilai kemanusiaan yang universal seperti keadilan, kesetaraan dan solidariti. Modal sosial yang berakar dari nilai-nilai ini dapat membantu menciptakan lingkungan yang inklusif dalam proses tatakelola. Ketika semua lapisan masyarakat merasa dihargai dan diwakili,

mereka akan lebih berkomitmen terhadap proses demokrasi dan kebijakan yang dibuat. Misalnya pendekatan yang adil dalam pembahagian sumber daya negara dapat mengurangkan ketegangan sosial dan konflik yang mungkin timbul akibat ketidakpuasan (Rahman, 2021).

Modal sosial juga berperanan dalam pemberdayaan komuniti. Melalui jaringan sosial yang kuat, individu dan kumpulan dalam masyarakat dapat bekerja sama untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Dalam konteks tatakelola ini bermakna bahawa komuniti yang mempunyai modal sosial yang tinggi dapat lebih efektif dalam mengelola sumber daya mereka dan menyelesaikan konflik. Pemberdayaan ini boleh diterjemahkan ke dalam penglibatan aktif dalam program-program pembangunan dan inisiatif yang dirancang oleh pemerintah (Putra, 2022).

Islam menggalakkan kerjasama dan kolaborasi antara individu dan kumpulan. Modal sosial dapat memudahkan kerjasama antara sektor awam, swasta dan masyarakat sivil. Ini penting dalam memastikan tatakelola yang berkesan, di mana semua pihak mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam mencapai matlamat bersama. Misalnya, kerjasama antara pemerintah dan organisasi bukan kerajaan (NGO) dalam menangani isu-isu sosial seperti kemiskinan atau pendidikan dapat membawa hasil yang lebih baik berbanding jika dilakukan secara terpisah.

Terdapat perbezaan yang ketara antara modal sosial dalam konteks Barat dan Islam, yang mempengaruhi cara individu dan komuniti berinteraksi, membentuk hubungan dan menilai nilai-nilai sosial. Modal sosial di Barat sering kali berfokus kepada individu dan kepentingan peribadi. Ia memberi penekanan kepada hubungan antara individu, kepercayaan dan norma yang menyokong pencapaian individu dalam konteks sosial dan ekonomi. Dalam banyak kes, modal sosial dilihat sebagai alat untuk meningkatkan peluang individu dalam kehidupan sosial dan ekonomi. Dalam konteks Islam, modal sosial lebih tertumpu kepada kepentingan komuniti dan tanggungjawab sosial. Nilai-nilai seperti ukhuwah (persaudaraan), tolong-menolong dan keadilan sosial adalah teras dalam membina modal sosial. Dalam Islam, hubungan sosial bukan hanya untuk kepentingan individu, tetapi juga untuk mencapai kesejahteraan bersama dalam masyarakat.

Hubungan dalam modal sosial Barat sering kali bersifat formal dan berdasarkan kontrak. Jaringan sosial dibentuk melalui institusi seperti sekolah, organisasi profesional dan perniagaan, yang membolehkan individu untuk membina rangkaian yang memberi manfaat kepada mereka dalam konteks ekonomi dan sosial. Sebaliknya, jaringan dalam modal sosial Islam lebih bersifat informal dan berdasarkan nilai-nilai kemanusiaan. Hubungan dibina berdasarkan rasa tanggungjawab terhadap satu sama lain, dengan penekanan

pada solidariti dan sokongan moral. Dalam Islam, terdapat tanggungjawab untuk membantu sesama manusia tanpa mengira latar belakang.

Dalam masyarakat Barat, nilai seperti kebebasan individu, persaingan dan pencapaian peribadi sering kali ditekankan. Modal sosial dilihat sebagai sumber yang boleh dimanfaatkan untuk mencapai kejayaan peribadi dan status sosial. Nilai-nilai Islam menekankan konsep ketuhanan, keadilan dan kesejahteraan sosial. Modal sosial berfungsi untuk memperkuuh hubungan antara individu dan masyarakat, dengan tujuan mencapai keadilan dan kesejahteraan untuk semua.

Tanggungjawab sosial dalam konteks Barat mungkin lebih terhad kepada penglibatan individu dalam aktiviti komuniti dan kebajikan. Ia boleh menjadi pilihan peribadi yang bergantung kepada individu sama ada untuk terlibat atau tidak. Dalam Islam, tanggungjawab sosial adalah suatu kewajipan. Terdapat banyak ajaran dalam Islam yang menyeru umatnya untuk memberi zakat, membantu yang memerlukan dan terlibat dalam aktiviti kebajikan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sebagai seorang Muslim.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, modal sosial memainkan peranan penting dalam memperkuuh tatakelola organisasi sama seperti modal aset dan modal insan. Dalam konteks Malaysia, pendekatan yang menekankan integriti, kepercayaan dan hubungan sosial yang positif dapat mempertingkatkan produktiviti serta ketelusan organisasi. Prinsip-prinsip Islam menawarkan panduan jelas untuk membina modal sosial yang kukuh. Penekanan pada modal sosial berteraskan Islam dapat membantu negara mencapai tatakelola yang lebih mantap, seperti yang dihasratkan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim melalui Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional. Oleh itu, pengukuhan modal sosial berdasarkan prinsip Islam harus diterapkan dalam usaha pembangunan negara yang mampan dan seimbang. Modal sosial tidak hanya melibatkan hubungan sosial dalam organisasi, tetapi juga merangkumi nilai-nilai seperti kepercayaan, kerjasama dan integriti, yang semuanya menjadi landasan penting dalam memastikan kejayaan dan kelestarian organisasi.

Berdasarkan panduan modal sosial berdasarkan nilai Islam menawarkan satu kerangka nilai yang bukan sahaja meningkatkan prestasi organisasi tetapi juga membendung gejala negatif seperti penyelewengan dan ketirisan yang menghalang pembangunan negara. Modal sosial yang berlandaskan nilai-nilai Islam ini bukan sahaja boleh membantu organisasi mencapai kecemerlangan dalaman tetapi juga menyumbang kepada kestabilan sosial dan pembangunan negara secara keseluruhan. Dengan penerapan modal sosial yang mantap dan beretika, Malaysia berpotensi untuk mencapai tahap tatakelola yang lebih

efisien dan berintegriti, memastikan pembangunan mampan untuk generasi akan datang.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim. (2013). Batu Cave: al-Hidayah House of Quran Sdn Bhd
- Ahmad, W. M. (1984). *Kamus al Munawwir*. Yogyakarta: PP Al Munawwir
- Adler, P. and Kwon, S. (2002) *Social Capital: Prospect for A New Concept*. Academy of Management Research, 27 (1) 17-40
- Akbar, A., Sudarmin, S., & Tahir, R. (2023). Kajian Modal Sosial Dalam Mendukung Ketahanan Pangan Rumah Tangga Petani Padi Di Desa Boddia Kecamatan Galesong Kabupaten Takalar (Study of Sosial Capital In Supporting Household Food Security of Rice Farmers in Boddia Village, Galesong Sub-District, Takalar District). *Jurnal Agribisnis Dan Komunikasi Pertanian*, 6(1), 23–23. [https://doi.org/10.35941/jakp.6.1.2023.10156.23-33\](https://doi.org/10.35941/jakp.6.1.2023.10156.23-33)
- Bourdieu, P. (1986). *Forms of capital* (241–258). Polity Press
- Coleman, J. S. (1988). Social Capital in the Creation of Human Capital. *American Journal of Sociology*, 94, S95-S120
- Field, J. (2008). *Social Capital. 2nd Edition*. Routledge 19
- Field, J. (2017). *Social capital*. Routledge. Taylor & Francis Group
- Fukuyama, F. (1995). *Trust: The Social Virtues and Creation of Prosperity*. New York: Free Pers
- Fukuyama, F. (2001). *Social Capital, Civil Society and Development*. Third World Quarterly, 22(1), 7-20
- Ginandjar, K. (2017). *Memperkuat Modal Sosial Dalam Menghadapi Bencana*. Indonesia; Acara Ulang Tahun ke-19 Universiti Paramadina.
- Hanifan, L. J. (1916). *The Rural School Community Center*
- Ismail, M. S., Siwok, S. R., & KZ, A. R. (2020). The relationship between assertive behaviour and islamic work ethics among support staff in Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*.
- Ismail, R., Mahfodz, N. D., & Sulaiman, N. (2016). Tahap dan Penentu Indeks Modal Sosial di Malaysia. *Kajian Malaysia*, 34(2), 101–121. <https://doi.org/10.21315/km2016.34.2.5>
- Ismail, S. (2023). Memahami Konsep Malaysia Madani. *Utusan Malaysia Online*. <https://www.utusan.com.my/rencana/2023/01/memahami-konsep-malaysia-madani/>
- Lin, N. (1999). *Building a Network Theory of Social Capital*. Connections 22 (1), 28-51
- Mohd Hasbullah Hassan & Khairuddin Salleh (2015). *Tatakelola dalam Organisasi Islam: Suatu Tinjauan Teori dan Praktik di Malaysia*. Jurnal Syariah, 23(2), 157-179
- Narayan, D. & Pritchett, L. (1999). *Cents and Sociability: Household Income and Social Capital in Rural Tanzania*. Economic Development and Cultural Change, 47(4), 871-897
- Nor' Azzah Ibrahim & Mohamad Abu Bakar. (2017). Penerapan Modal Sosial Berdasarkan Nilai Islam dalam Pembangunan Komuniti. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 20(1), 1-15
- Putnam, R. D. (1995). *Bowling Alone: America's Declining Social Capital*. Journal of Democracy, 6(1), 65-78

- Putnam, R. D. (2009). *Diversity, social capital, and immigrant integration: Introductory remarks*. *National Civic Review*, 98(1), 3–5. <https://doi.org/10.1002/ncr.236>
- Putra, A. (2022). *Peran Modal Sosial dalam Pembangunan Ekonomi Berbasis Islam*. *Jurnal Ekonomi dan Pembangunan*, 15(2), 101-112
- Rahman, F. (2021). *Islam dan Modal Sosial: Implikasi Terhadap Kebijakan Publik di Indonesia*. *Jurnal Studi Islam*, 8(1), 45-60
- Rofik & Asyhabuddin. (2005). Nilai-nilai Dasar Islam sebagai Modal Sosial dalam Pengembangan Masyarakat. *Aplikasia, Jurnal Aplikasi Ilmu-ilmu Agama*, Vol. VI, No. 2 Desember 2005:175-188
- Saiman, M. Z. (2023). Perpaduan Nasional Berteraskan Melayu-Islam di Negara Malaysia: Sorotan Kajian: National Unity Based on the Malay-Islamic State of Malaysia: Highlights of the Study. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 4(2), 201-216
- Syahra, R. (2003). Modal Sosial: Konsep Dan Aplikasi. *Jurnal Masyarakat Dan Budaya*, 5(1), 1–22. <https://doi.org/10.14203/jmb.v5i1.256>
- Woolcock, M. and Narayan, D. (2000). *Social Capital: Implications for development theory, research and policy*. *World Bank Research Observer*, 15(2): 225-49. 21